News: Utusan Borneo

Date: 25 June 2010

Subject: Research

Language: Malay


Page: A7

Pemuda Umno diminta realisasikan 'Alam Flora Sepanggar'

KOTAKINABALU: Pemuda Umno Sepanggar diminta merealisasikan impian 'Alam Flora Sepanggar' demi mewujudkan peluang serta ruang pekerjaan belia di masa depan.

Ketua Umno Bahagian Sepanggar, Jumat Haji Idris (gambar) berkata, pergerakan itu perlu menjalin kerjasama dengan pakar akademik bersama Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) dalam merealisasikan impian 'Alam Flora Sepanggar'.

Katanya, tenaga pakar



itu boleh digunakan agar dapat menjalankan kajian secara terperinci sekali

gus menjadikan Sepanggar sebagai destinasi baru pilihan pelancong ke Sabah.

"Kita memerlukan idea Pemuda Umno Sepanggar berjiwa besar, berakal pintar serta berfikir sesuatu yang mampu membawa manfaat besar kepada belia di masa depan.

"Inilah semangat serta pemikiran yang perlu ada dalam jiwa pemuda Umno Sepanggar. Jika tidak peluang dan idea yang diketengahkan hanya berlalu begitu sahaja tanpa ada manfaat kepada belia Sepanggar nanti," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Mesyuarat Perwakilan Pergerakan Pemuda Umno Sepanggar, di Dewan Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kota Kinabalu.

Jumat yang juga Pengerusi Penyeleras Barisan Nasional (BN) Sepanggar, di peringkat Bahagian dan Parlimen pihaknya sentiasa memberi galakkan serta idea dalam membantu menjayakan 'Alam Flora Sepanggar'.

Selain itu, Pemuda Umno Sepanggar perlu merancang bentuk usaha dalam membantu belia menganggur memperoleh pekerjaan dalam kawasan Sepanggar.

"Mungkin ada baiknya mereka menjalankan tinjauan serta kajian secara khusus antara bentuk pekerjaan atau bidang yang bersesuaian dengan kelulusan mereka.

"Dalam masa sama, beberapa institut kemahiran awam dan swasta membabitkan ILP, IKM, UiTM dan Kolej Yayasan Sabah (KYS) dalam memberikan kemahiran kepada graduan yang tidak bekerja," katanya.

Dalam pada itu, Jumat mengingatkan barisan Pemuda Umno Sepanggar agar bersedia menjadi barisan pelapis kepemimpinan tertinggi Sepanggar di masa depan.

"Pemudaperlubijak, berani, berhemah dan bijaksana dalam membentuk masa depan sebagai pelapis Umno Bahagian Sepanggar.

Jumatmenambah,kemajuan setiap tamadun bangsa begitu banyak disokong serta didorong dalam menjayakan misi dan visi negara di masa depan.